

500 lesen penjaja DBKL guna identiti orang mati

Semakan audit dapati individu sudah meninggal antara 1 hingga 10 tahun

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dikesan meluluskan pembaharuan dan permohonan lebih 500 lesen penjaja, yang menggunakan kad pengenalan individu sudah meninggal dunia sepanjang tempoh tiga tahun lalu.

Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 1 mendedahkan, semakan dalam sistem eLesen DBKL dengan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), mendapati tujuh permohonan baharu dan 568 pembaharuan lesen penjaja yang menggunakan kad pengenalan individu meninggal dunia, diluluskan di antara 2017 hingga 2019.

Selain itu, DBKL juga dikesan meluluskan tiga permohonan baharu dan 180 pembaharuan lesen penjaja, walaupun nombor kad pengenalan digunakan dalam permohonan itu tidak dapat dikenal pasti kesahihan kerana tiada rekod di JPN.

Sepanjang tahun lalu, laporan audit mengesan 219 daripada 27,274 lesen penjaja aktif DBKL menggunakan kad pengenalan individu sudah meninggal dunia, untuk memperbaharui kebenaran itu.

“Semakan audit selanjutnya mendapati penjaja itu (kad pengenalan yang digunakan) sudah meninggal dunia antara satu hingga 10 tahun,” kata laporan audit itu yang dibentangkan di Parlimen, semalam.

Laporan audit mendapati isu itu berlaku kerana DBKL tidak mewajibkan pelesen hadir sendiri dan mengemukakan kad pengenalan asal bagi permohonan serta pembaharuan lesen penjaja.

Selain itu, ia juga berlaku kerana Sistem eLesen DBKL tidak berintegrasi dengan sistem JPN untuk proses pengesahan dan semakan kad pengenalan pemohon.

Dalam maklum balas kepada Ketua Audit Negara, DBKL memaklumkan sudah mengambil tindakan membatalkan 164 pelesen selepas mendapat teguran Jabatan Audit Negara, manakala pelesen selebihnya dalam proses dibatalkan.

“Berkuat kuasa pada Februari lalu, pelesen diwajibkan hadir untuk urusan pembaharuan lesen di Kaunter Lesen Berpusat DBKL dan mulai Julai 2020, DBKL menggunakan alat pembaca MyKad untuk pengesahan

kad pengenalan pelesen,” kata DBKL.

Sementara itu, Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 1 menyatakan ketidakhadiran Jabatan Imigresen dalam lebih 60 peratus Operasi Tegas (Ops Tegas) dikesan antara punca utama DBKL tidak dapat menangani isu kebanjiran penjaja warga asing di ibu negara dengan berkesan.

Laporan audit itu menjelaskan, semua operasi membabitkan tangkapan warga asing perlu membabitkan Jabatan Imigresen, bagi memastikan penguatkuasaan dapat dijalankan secara menyeluruh.

Bagaimanapun, Statistik Tindakan Ops Tegas di antara 2017 hingga 2019, mendapati pembabit Jabatan Imigresen tidak sepenuhnya dalam semua operasi berkenaan, menyebabkan tindakan terhadap warga asing tidak dapat diambil.

“Jabatan Imigresen hanya terbahit dalam Ops Tegas untuk 41 siri (33.9 peratus) daripada 121 siri operasi dijalankan, dengan penangkapan 673 penjaja warga asing.

“Sepanjang 2019, Jabatan Imigresen tidak membabitkan diri dalam setiap Ops Tegas yang dilaksanakan dan tiada tangkapan penjaja warga asing dilakukan,” katanya.

Laporan itu memaklumkan, pihak audit menyertai Ops Tegas

pada 18 April 2019 di Taman Koperasi Polis Fasa 2, yang turut disertai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JPN.

Dalam operasi itu, lapan notis kesalahan dikeluarkan mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) 3(1) Pelesen Penjaja (WPKL) 2016 dan Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, selain lapan tindakan sita diambil.

“Bagaimanapun, tangkapan 19 warga asing tidak dapat dilakukan kerana ketiadaan wakil daripada Jabatan Imigresen, sebaliknya hanya pemeriksaan kewarganegaraan dapat dilakukan,” katanya.

Pada masa sama, laporan audit itu menegur DBKL kerana tidak menetapkan sebarang norma tempoh masa bagi mengeluarkan surat jemputan operasi kepada agensi penguatkuasaan lain.

Berhubung tindakan sitaan penjaja oleh DBKL, laporan audit memaklumkan sebanyak 26,290 tindakan diambil di seluruh ibu negara pada 2017 hingga 2019, dengan 17,560 atau 66.7 peratus adalah membabitkan penjaja warga asing.

Bagaimanapun, trend sitaan bagi lima lokasi tumpuan penjaja warga asing dan penjaja tanpa lesen iaitu Pasar Harian Selayang, Pasar Borong Kuala Lumpur, Pasar Pudu, Jalan Silang dan Jalan Petaling, tidak menunjukkan perubahan ketara.